

18 AUG 1999

Mahathir-kerjasama

MALAYSIA, CHINA BAHARUI TEKAD KUKUHKAN KERJASAMA

Oleh: Ali Mamat

BEIJING, 18 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Republik Rakyat China hari ini memperbaharui tekad untuk meningkatkan kerjasama dalam semua bidang demi manfaat rakyat kedua-dua negara dan kemakmuran serta kestabilan sejagat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawantannya dari China Zhu Rongji menyatakan komitmen ke arah itu pada pertemuan sejam di Great Hall of the People di sini.

Pertemuan itu yang berakhir dengan upacara menandatangani tiga perjanjian kerjasama dan usaha sama antara kedua-dua negara merupakan sebahagian atur cara lawatan kerja tiga hari Dr Mahathir ke negara ini yang bermula hari ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu wartawan Malaysia pada akhir perbincangan itu, kedua-dua pemimpin menekankan peri pentingnya hubungan kedua-dua negara dipereratkan, bahkan Zhu pada ucapan alu-aluannya menyifatkan Dr Mahathir dan Malaysia sebagai "kawan sejati dan rakan kerjasama China yang akrab".

Sebagai sebahagian usaha ke arah itu, Dr Mahathir bersetuju menimbang kemungkinan memudahkan lagi pengeluaran visa lawatan kepada rakyat China yang ingin ke Malaysia khususnya daripada kalangan pengusaha dan pelabur.

Syed Hamid berkata satu pilihan yang sedang dikaji ialah kemungkinan pengeluaran visa lawatan kepada rakyat China di pintu-pintu masuk ke Malaysia.

Perkara itu akan dibincang lebih lanjut pada peringkat pegawai.

Katanya Zhu telah bersetuju dengan permintaan Malaysia untuk membuka sebuah konsulat di Shanghai dan pada masa yang sama memohon untuk pembukaan sebuah konsulat China di Malaysia.

Tapak bagi konsulat Malaysia di Shanghai telah dikenal pasti dan operasinya akan dimulakan tidak lama lagi.

Syed Hamid berkata Malaysia juga merancang untuk membuka sebuah pejabat konsulatnya di Kunming tetapi perkara itu masih pada peringkat perbincangan.

Pada pertemuan itu, Zhu turut mengulangi pendirian negaranya untuk tidak menurunkan nilai mata wang Renminbi manakala Dr Mahathir sekali lagi menegaskan pendirian Malaysia yang tidak akan berganjak berhubung dasar "Satu China".

Kedua-dua pemimpin itu kemudian, menyaksikan upacara menandatangani perjanjian kerjasama dan usaha sama yang membabitkan bidang sains, teknologi dan kejuruteraan serta pembukaan sebuah kilang kertas dan pembangunan sebuah ladang hutan di Sabah.

Anggota rombongan Malaysia yang hadir pada pertemuan antara Dr Mahathir dan Zhu termasuk Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam.

Malam ini, Dr Mahathir diraikan oleh Zhu pada satu jamuan di dewan yang sama.

--BERNAMA

AM MAI